

D800

U 8328 DEB ENX
MAHATHIR - PEMBANGKANG R R R

1985
KANGAR, 15 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA MEMERLUKAN PEMBANGKANG YANG SIHAT TETAPI PEMBANGKANG YANG ADA SEKARANG LEBIH MIRIP KEPADA PERKAUMAN DAN PELAMPAU AGAMA.

PERDANA MENTERI BERKATA DI SINI MALAM TADI BAHAWA DALAM SEBUAH NEGARA DEMOKRASI, PEMBANGKANG DIPERLUKAN KERANA TANPANYA PARTI PEMERINTAH BOLEH JADI LALAI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS.

BERUCAP KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DI RUMAH TETAMU DI SINI, BELIAU BERKATA PEMBANGKANG YANG DIPERLUKAN BUKAN UNTUK Mencari SALAH KERAJAAN TETAPI UNTUK MEMBANTUNYA Mencari PENYELESAIAN.

+APA YANG DIKESALKAN IALAH PARA PEMBANGKANG YANG ADA PADA MASA INI TERLALU PERKAUMAN DAN PELAMPAU AGAMA,+ KATANYA.

+DAP MISALNYA MENGGUNAKAN ISU-ISU PERKAUMAN SEBAGAI DAYA MENARIK RAKYAT MENYOKONGNYA DAN TIDAK MEMPERDULIKAN KESAN DARI SIKAP PERKAUMANNYA.+

+BAGI MEREKA KORBAN ORANG LAIN ADALAH KEPENTINGAN PARTI ITU,+ KATA PERDANA MENTERI LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGAIMANAPUN SUKACITA KERANA SEBILANGAN KECIL SAHAJA RAKYAT YANG MENYOKONG DAP. -- LAGI.
1050MST 15 03 85

D801

U 8329 DEB ENX
MAHATHIR -- PEMBANGKANG 2 KANGAR R R R

BELIAU BERKATA BAGI SEBUAH PARTI YANG LAIN (NAMANYA TIDAK DISEBUT), IA TIDAK SEGAN-SEGAN DAN DENGAN SEWENANG-WENANGNYA MEMBUAT PELBAGAI TUDUHAN SEPERTI MENGKAFIRKAN ORANG ISLAM YANG LAIN DAN LAIN-LAIN TUDUHAN YANG TIDAK BERASAS.

+PARTI ITU PERNAH MEMBERITAHU AKHBAR-AKHBAR LUAR NEGERI KONONNYA KERAJAAN MALAYSIA MENGHARAMKAN KUMPULAN-KUMPULAN ISLAM.

+PARTI ITU SANGGUP BERBOHONG ASALKAN MENDAPAT LAYANAN,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR LAGI.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN BAHAWA SIKAP DAN PERBUATAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG SEPERTI ITU MEMBAWA KEBURUKAN KEPADA NEGARA DAN AGAMA.

BELIAU MENASIHATKAN PARTI-PARTI KOMPONEN BN SUPAYA BERSEDIA UNTUK MENANGKISKAN SEBARANG SERANGAN YANG DIBUAT OLEH PEMBANGKANG KE ATAS MANA-MANA DASAR KERAJAAN SEKARANG.

KEPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG, PERDANA MENTERI MEMINTA MEREKA MEMAINKAN PERANAN DENGAN BETUL SEPERTI MENUNJUKKAN JALAN YANG BOLEH KERAJAAN IKUTI UNTUK MEMBAIKI SEBARANG KELEMAHAN JIKA ADA. -- LAGI.
1052MST 15 03 85

D802

U B330 DEB ENX
MAHATHIR - PEMBANGKANG 3 KANGAR R R R

BELIAU BERKATA NEGARA PADA MASA INI MENIKMATI PERPADUAN DAN KEADAAN YANG HARMONI KERANA SIKAP TOLERANSI PARA PEMIMPIN DAN RAJAS JELATA.

KATANYA NEGARA BOLEH BERBANGGA DENGAN KEADAAN YANG DINIKMATI SEJAK MENCAPAI KEMERDEKAAN DAN BELIAU YAKIN SELAGI RAKYAT MENGGUNAKAN HAK MEREKA SECARA WAJAR DAN BIJAK, KEADAAN SEKARANG BERTERUSAN.

MAJLIS TERSEBUT YANG TURUT DIHADIRI OLEH MENTERI BESAR, DATUK HAJI ALI HAJI AHMAD MERUPAKAN ACARA TERAKHIR DALAM RANGKA LAWATAN SEHARI PERDANA MENTERI KE PERLIS.

HARI INI PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH BERLEPAS KE PULAU PINANG UNTUK MERASMIKAN KHEMAM KESEKUTUPAN KEPIMPINAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA. -- BERNAMA.

1053MST 15 03 85